

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
1(a) T4 Bab 1 Hal. 6-7 (9.1.2)	Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. F1 Kerajaan 1 F2 Rakyat 1 F3 Kedaulatan 1 F4 Wilayah Pengaruh 1 F5 Undang-Undang 1 F6 Lambang kebesaran 1 [Mana-mana 2F × 1 m] [2 m]	
1(b) (i) T4 Bab 1 Hal. 10 (9.1.2)	Jelaskan kandungan undang-undang berikut: Hukum Kanun Melaka F1 Jenayah 1 F2 Menggugat ketenteraman / keharmonian KMM 1 F3 Pelbagai hukuman setimpal 1 F4 Hukuman bunuh / hukuman mati 1 F5 Jika bunuh orang lain / ingkar perintah Raja / memalsukan titah Raja / menikam / mencuri 1 F6 Peranan sultan dan pembesar 1 F7 Menjelaskan tugas Raja / Bendahara / Temenggung / Penghulu Bendahari 1 F8 Sultan melantik pembesar / bendahara / temenggung 1 F9 Kekeluargaan 1 F10 Mewujudkan keharmonian keluarga 1 F11 Menyelesaikan masalah keluarga / perkahwinan 1 F12 Saksi pernikahan empat / dua saksi 1 F13 Wanita / hamba tidak boleh menjadi saksi 1 F14 Ekonomi 1 F15 Peraturan mengawal perdagangan supaya tiada kesalahan / bertentangan dengan Islam 1 F16 Amalan riba diharamkan 1 F17 Orang yang menjalankan perniagaan mesti akil baligh / siuman / lafaz niat jual beli 1 [Mana-mana 2F × 1 m] [2 m]	

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
1(b) (ii)	Undang-undang Laut Melaka	
T4	F1 Peranan nakhoda	1
Bab 1	F2 Nakhoda berkuasa penuh / diibaratkan seperti raja	1
Hal. 11	F3 Semua pihak perlu mematuhi arahan / perintah nakhoda	1
(9.1.2)	F4 Nakhoda diberi keutamaan untuk berniaga selama 4 hari	
	F5 Jika nakhoda hendak singgah di tempat yang tiada dalam senarai perlu bermesyuarat dengan semua orang di dalam kapal	1
	F6 Pelayaran	
	F7 Menjelaskan peranan jurumudi / malim / jurubatu	
	F8 Menjadikan pelayaran selamat / lancar	1
	F9 Malim harus arif ilmu pelayaran / keadaan ombak / arus / kedudukan bulan / bintang	1
	F10 Jika malim lalai menjalankan tugas sehingga membawa pelanggaran / kerosakan boleh dijatuhi hukuman bunuh	1
	F11 Jenayah	1
	F12 Menggugat ketenteraman / keselamatan kapal	
	F13 Hukuman jenayah atas kapal seperti mencuri / membunuh / memberontak	1
	F14 Berkelakuan jahat / membunuh dihukum mati	1
	F15 Percukaian	1
	F16 Sistematis / adil	
	F17 Pelbagai cukai dikenakan dalam urusan pelayaran / perdagangan	1
	F18 Cukai perjalanan / hasil perniagaan	1
	F19 Nakhoda tentukan jumlah cukai 1/10 hasil penumpang	1
	F20 Sekiranya penumpang ingin turun sebelum sampai janjinya sama ada tiga tahun, tiga bulan atau tiga hari.	1
		1
	[Mana-mana 2F × 1 m]	
		[2 m]

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
1(c) T4 KBAT (K9.1.5)	Teliti pernyataan berikut. Kedudukan semua warganegara sama di sisi undang-undang. Sumber: www.astroawani.com, 4 Julai 2020 Beri pandangan anda. Cadangan jawapan F1 Memberi keadilan kepada semua rakyat F2 Menjamin hak asasi rakyat F3 Memastikan isu sensitif dapat diselesaikan F4 Mengukuhkan perpaduan antara kaum F5 Menjamin kestabilan politik F6 Mewujudkan keamanan dalam negara F7 Mengekalkan keharmonian F8 Menjamin keselamatan negara F9 Mengekalkan kedaulatan negara (Terima mana-mana yang berkaitan) [Mana-mana 4F×1 m] Contoh: - Tiada sesiapa terlepas daripada undang-undang negara - Bagi menjamin keamanan negara / kestabilan politik - Sesiapa yang melakukan jenayah / salah guna kuasa / rasuah - Kesannya keadilan dan hak rakyat ditegakkan <u>Panduan Pemeriksaan:</u> 1. Soalan ini kata tugasnya ialah pandangan 2. Calon perlu menjawab berdasarkan pernyataan 3. Jawapan calon yang tidak berkaitan dengan pernyataan tidak diberikan markah	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]
Join SPM Study Group https://spmpaper.me/group		

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
2(a) T4 Bab 9 Hal. 216 (11.3.1)	Namakan dua tokoh tempatan yang menyertai rundingan tersebut. F1 Dato' Haji Wahab Abd Aziz/Dato' Panglima Bukit Gantang F2 Encik Abdul Aziz Abdul Majid F3 Dato' Mohamad Seth Mohammad Said F4 Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood F5 Tunku Abdul Rahman F6 Dato' Abdul Razak Hussein F7 H. S. Lee F8 Dr. Ismail Abdul Rahman [Mana-mana 2F × 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [2 m]
2(b) T4 Bab 9 Hal. 218 (11.3.1)	Jelaskan perkara yang dipersetujui oleh wakil Tanah Melayu dan British dalam rundingan tersebut. British F1 Ahli Majlis Eksekutif selain Ketua Setiausaha / Peguam Negara dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan nasihat Ketua Menteri F2 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu memberikan ganti rugi /pampasan kepada pegawai British yang diberhentikan Perjanjian Pertahanan / keselamatan F3 Bantuan Bersama diadakan antara PTM dengan British F4 Pihak British / Komanwel akan memberikan bantuan pertahanan kepada PTM Perwakilan Tanah Melayu F5 Menghapuskan jawatan Setiausaha Kewangan F6 Digantikan dengan Menteri Kewangan F7 Menteri Hal Ehwal Ekonomi mestilah rakyat PTM F8 Menteri Pertahanan dari rakyat PTM F9 Menggantikan Pengarah Gerakan dari British Menuntut F10 tarikh kemerdekaan tidak lewat daripada 31 Ogos 1957 F11 Berunding mengenai isu Suruhanjaya Perlembagaan / kewangan / keselamatan dalam negeri / perkhidmatan awam/ Kedua-dua pihak bersetuju untuk membentuk Suruhanjaya Perlembagaan yang berperanan merangka perlembagaan negara [Mana-mana 4F × 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
2(c) KBAT (K11.3.6)	Kemerdekaan negara amat unik kerana ia dicapai melalui meja rundingan tanpa melibatkan pertumpahan darah. Sumber : pustakailmu.arkib.gov.my Berdasarkan pernyataan tersebut, beri ulasan anda. Cadangan jawapan Tersurat F1 Kemerdekaan negara unik 1 F2 Dicapai melalui meja rundingan tanpa melibatkan pertumpahan darah 1 Tersirat F3 Permuafakatan Tanah Melayu dan British mampu menjayakan misi negara 1 F4 Kerjasama pemimpin pelbagai kaum 1 F5 Sikap tolak ansur mengelakkan negara terlibat dalam konflik yang merugikan 1 F6 Kesungguhan pemimpin dan rakyat dari pelbagai kaum untuk membentuk masa depan negara yang gemilang (Terima mana-mana yang berkaitan) 1 [Mana-mana 4F × 1 m] [4 m] <u>Panduan Pemeriksaan:</u> 1. Soalan ini kata tugasnya ialah ulasan 2. Menyalin keseluruhan teks / pernyataan tanpa perubahan – Mak 1 m 3. Menyalin keseluruhan teks / pernyataan tetapi menambah penanda wacana – Mak 2 m 4. Ulasan calon berkaitan isu dalam pernyataan tetapi tidak mengambil ayat dalam pernyataan – Mak 2 m 5. Ulasan calon berkaitan isu dalam pernyataan (isi tersurat) dan huraian isu tersebut (isi tersirat) – Mak 4 m 6. Ulasan calon langsung tidak menyentuh isu dalam pernyataan – 0 m <u>*Isu dalam pernyataan bermaksud</u> i. ayat calon diambil berdasarkan senarai isi yang diberi daripada petikan / pernyataan, atau ii. Isi-isi yang relevan / berkaitan dengan senarai isu yang diberi	

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
3(a) T5 Bab 3 Hal. 56 (12.3.5)	Jelaskan mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran negara kita F1 Pemerintahan beraja mengimbangi pemerintahan demokrasi 1 F2 Raja berkecuali dalam hal politik / ekonomi / dasar negara 1 F3 Raja mampu meredakan konflik dalam demokrasi 1 F4 Pertikaian parti politik / perselisihan antara kaum 1 F5 Pengasingan kuasa iaitu badan perundangan, eksekutif dan kehakiman 1 F6 Badan perundangan menggubal undang-undang 1 F7 Dilaksanakan oleh badan eksekutif 1 F8 Sebarang konflik / kekeliruan diselesaikan melalui badan kehakiman 1 [Mana-mana 3F × 1 m]	[3 m]
3(b) T5 Bab 3 Hal. 57 (12.3.5)	Terangkan kuasa budi bicara raja menurut Perlembagaan Persekutuan F1 Kuasa yang boleh dilaksanakan tanpa mendengar / menurut nasihat ketua kerajaan 1 F2 Diperuntukkan kepada Yang di-Pertuan Agung 1 F3 Dalam soal perlantikan ketua Kerajaan Persekutuan / Perdana Menteri 1 F4 YDPA berkuasa untuk tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen 1 F5 Raja / Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa budi bicara melantik ketua Kerajaan Negeri / Menteri Besar/ Ketua Menteri 1 F6 Raja / Yang di-Pertua Negeri berkuasa untuk tidak memperkenankan pembubaran DUN 1 F7 Kuasa pengampunan/ meringankan/ menanggihkan hukuman 1 F8 Meminta supaya diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja mengenai keistimewaan / kedudukan / kemuliaan / kebesaran 1 F9 Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja enggan meluluskan rang undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan 1 F10 Hak untuk menasihati / memberi amaran / berhak ke atas maklumat kerajaan 1 F11 Hak untuk menasihati / memberi amaran kepada Majlis Raja-Raja berkenaan soal-soal dasar negara 1 [Mana-mana 3F × 1 m]	[3 m]

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
3(c) KBAT (K12.1.8)	Teliti poster berikut. Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut Tersurat F1 Demokrasi menjamin kedaulatan negara 1 F2 Institusi beraja tonggak pemerintahan 1 F3 Bendera jalur gemilang 1 F4 Dewan Parlimen menggubal undang-undang 1 Tersirat F5 Mengekalkan keamanan 1 F6 Lambang penyatuan rakyat 1 F7 Lambang perpaduan 1 F8 Membawa kemajuan dalam pelbagai bidang 1 F9 Melahirkan masyarakat yang cintakan negara 1 F10 Memakmurkan bangsa dan negara 1 F11 Menjadi lambang kemegahan negara 1 (Terima mana-mana yang berkaitan) [Mana-mana 4F × 1 m] [4 m] <u>Panduan Pemeriksaan:</u> 1. Soalan ini kata tugasnya ialah mesej 2. Calon mesti menjawab mesej dalam poster 3. Calon menjawab mesej dalam poster sahaja tanpa huraian (isi tersirat) – Mak 2 m 4. Calon menjawab mesej dalam poster (isi tersurat) dan huraian (isi tersirat) – Mak 4 m 5. Calon langsung tidak menyentuh mesej dalam poster – 0 m	

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
4(a) T5 Bab 8 Hal.174-175 (14.2.3)	Mengapakah dasar tersebut diperkenalkan?	
	F1 Meneruskan Dasar Ekonomi Baru (DEB)	1
	F2 Membasmi kemiskinan	1
	F3 Menyusun semula masyarakat	1
	F4 Mencapai perpaduan negara	1
	F5 Melalui pengagihan kekayaan	1
	F6 Pembangunan seimbang antara negeri / bandar / luar bandar	1
	F7 Dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam / Rancangan Malaysia Ketujuh	1
	F8 Mewujudkan masyarakat bersatu padu	1
	F9 Memperkukuh kestabilan sosial / politik / pembangunan ekonomi	1
	F10 Mencapai taraf negara maju / Wawasan 2020	1
	F11 Keadilan sosial / nilai / etika / moral / kestabilan politik / kualiti hidup / kecekapan pentadbiran / kecemerlangan ekonomi	1
	[Mana-mana 2F × 1 m]	[2 m]
4(b) T5 Bab 8 Hal.178-179 (14.2.4)	Jelaskan usaha tersebut.	
	Penyusunan semula modal saham	
	F1 Bahagian saham kaum bumiputera dapat dipertingkatkan	1
	F2 Mencapai 30% dalam pemilikan / penguasaan / pengurusan sektor moden	1
	F3 Tindakan melalui program penswastaan	1
	F4 Memperuntukkan sejumlah saham untuk projek yang diswastakan	1
	F5 Penswastaan syarikat perniagaan milik agensi amanah yang dikhaskan untuk bumiputera	1
	F6 Majlis Amanah Rakyat (MARA) / Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) / Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)	1
	F7 Kaum bukan bumiputera diberi peluang menyertai projek penswastaan	1
	Pembangunan Wilayah	
	F8 Untuk meningkatkan integrasi ekonomi/ saling melengkapi antara negeri	1
	F9 Memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah	1
	F10 Memudahkan pencapaian kesamarataan pendapatan antara kaum	1
	F11 Peranan MARDI dipertingkatkan	1
	F12 Konsep pertanian pintar / teknologi moden	1
	F13 Penggunaan biji benih berkualiti / membolehkan sawah padi diusahakan empat kali setahun / meningkatkan hasil padi negara	1

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
4(c) KBAT (K14.2.7)	F14 Penggunaan dron / jentera moden	1
	F15 Melancarkan kerja / menyembur racun / meningkatkan hasil pengeluaran	1
	F16 Penyebaran industri terpilih digalakkan	1
	F15 Mendorong sektor swasta menempatkan semula kilang tambahan di negeri kurang maju	1
	F16 Kemudahan fizikal / pendidikan / kesihatan / perumahan	1
	F17 Menjadi pusat pertumbuhan baharu ekonomi	1
	[Mana-mana 4F $\times$ 1 m]	[4 m]
	Rakyat memainkan peranan penting dalam memakmurkan ekonomi negara. Beri pendapat anda.	
	Cadangan jawapan	
	F1 Menguasai pelbagai kemahiran / ilmu	1
	F2 Memanfaatkan teknologi dalam pelbagai sektor ekonomi	1
	F3 Menyokong dasar kerajaan	1
	F4 Melakukan penyelidikan dan pembangunan	1
	F5 Meningkatkan produktiviti / daya saing	1
	F6 mempraktikkan pertanian pintar	1
	F7 Melakukan inovasi	1
	F8 Membeli produk buatan Malaysia (Terima mana-mana yang berkaitan)	1
	[Mana-mana 4F $\times$ 1 m]	[4 m]
	<u>Panduan Pemeriksaan:</u>	
	1. Soalan ini kata tugasnya ialah pendapat	
	2. Calon perlu menjawab berdasarkan pernyataan	
	3. Jawapan calon yang tidak berkaitan dengan pernyataan tidak diberikan markah	

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
5(a) T4 Bab 3 Hal. 64, 65 & 68 (10.2.1)	Mengapakah negara kita menjadi sasaran tentera Jepun?	
	F1 Memenuhi keperluan ekonomi Jepun	1
	F2 Sekatan ekonomi oleh pihak Bersekutu / Amerika Syarikat / British / Belanda	1
	F3 Menjayakan misi dengan menggunakan propaganda Semangat Asia / Asia untuk Orang Asia	1
	F4 Menanamkan semangat anti penjajah Barat	1
	F5 Menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia	1
	F6 Eksploitasi sumber bahan mentah	1
	F7 Memenuhi keperluan perindustrian	1
	F8 Ekoran Pembaharuan Meiji	1
	F9 Keperluan operasi ketenteraan Jepun	1
	F10 Mengurangkan pergantungan bahan mentah daripada negara Barat	1
	F11 Tanah Melayu pengeluar bijih timah / getah / emas / bijih besi / arang batu / bauksit	1
	F12 Mendapatkan sumber minyak di Sarawak Miri / Lutong	1
	F13 Memerlukan kawasan pasaran industri	1
	F14 Menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya	1
	F15 Mengukuhkan ekonomi Jepun	1
	F16 Kepentingan strategik ketenteraan	1
	F17 Kedudukan negara strategik untuk ketenteraan Jepun	1
	F18 Penguasaan pangkalan tentera laut British di Singapura	1
	F19 Akan membuka laluan penguasaan telaga minyak di Sumatera	1
	F20 Penguasaan terhadap Pulau Borneo	1
	F21 Menjayakan operasi penaklukan Pulau Jawa	1
	F22 Dasar perluasan kuasa / penaklukan Jepun	1
	F23 Jepun memiliki kuasa ketenteraan setaraf Barat / angkatan tentera paling moden di Asia	1
	F24 Golongan tentera menguasai politik Jepun	1
	F25 Masalah ekonomi Jepun boleh diselesaikan dengan penaklukan kawasan kaya bahan mentah	1
	F26 Jeneral Hideki Tojo / mengheret Jepun ke kancah peperangan	1
	F27 Orde baharu Asia	1
	F28 Mengembangkan kuasa / mewujudkan kebebasan ekonomi / menentang imperialisme Barat	1
	F29 Jepun /Korea / China / Manchuria ke dalam satu blok ekonomi	1
	F30 Mengembangkannya ke seluruh Asia	1
	F31 Menjayakan rancangan penaklukan wilayah di selatan	1
	F32 Terbentuknya pakatan Kuasa Paksi	1
	F33 Jerman menghantar pakarnya ke Jepun	1
	F34 Mengkaji serangan terhadap wilayah selatan	1
	F35 Membantu perkembangan industri kapal terbang Jepun	1
	[Mana-mana 4F × 1 m]	[4 m]

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
5(b) (i)	Jelaskan dasar pendudukan Jepun dalam aspek berikut:	
T4 Bab 3 Hal. 70-71 (10.2.2)	Pentadbiran F1 Pentadbiran tentera Jepun 1 F2 Tanah Melayu digabungkan dengan Sumatera di bawah satu unit pentadbiran 1 F3 Membentuk Kawasan Pertahanan Khas 1 F4 Diletak di bawah pentadbiran pasukan tentera Jepun ke-25 di Singapura 1 F5 April 1944 Tanah Melayu dan Sumatera ditadbir secara berasingan 1 F6 Terdapat perbezaan sistem politik / ekonomi yang ketara di bawah pentadbiran British / Belanda 1 F7 Sumatera diletakkan di bawah pentadbiran tentera Jepun ke-25 di Bukit Tinggi, Sumatera 1 F8 Tanah Melayu ditadbir oleh tentera Jepun ke-29 di Taiping, Perak 1 F9 Singapura dikenali sebagai <i>Syonan-to</i> / Pulau Cahaya Selatan 1 F10 Diasingkan pentadbiran dari Tanah Melayu 1 F11 Dikenali sebagai <i>Malai Baru</i> / Melayu Baru 1 F12 Perlis / Kedah / Kelantan / Terengganu dipindahkan di bawah pentadbiran Kerajaan Thailand 1 F13 Sarawak / Sabah / Brunei dikenali sebagai <i>Kita Boruneo</i> 1 F14 Diketuai oleh Gabenor Jeneral 1 F15 Diletakkan di bawah pasukan tentera Jepun ke -37 di Kuching 1 F16 Pasukan polis tentera / Kempeitai ditubuhkan untuk menjaga kepentingan pentadbiran tentera Jepun 1 F17 Bertindak ganas / kejam / menyeksa / membunuh sesiapa antipentadbiran Jepun 1 F18 Dasar terhadap Raja-raja Melayu 1 F19 Mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu 1 F20 Sebagai ketua dalam hal ehwal agama Islam / adat Melayu 1 F21 Diberikan bayaran pencen 1 F22 Kedudukan baginda sebagai sultan di negeri masing-masing 1 F23 Di bawah pengawasan Gabenor Jepun 1 F24 Pengiktirafan dibuat semasa Persidangan Raja-raja Tanah Melayu / Sumatera di Singapura pada Januari 1943 1 F25 Dasar terhadap kepimpinan tempatan 1 F26 Memberi peluang kenaikan pangkat / jawatan lebih tinggi kepada yang berpendidikan / berpengalaman 1 F27 Mengatasi masalah kekurangan pegawai 1 F28 Mendapatkan sokongan penduduk 1 F29 Menubuhkan Institut Latihan Pemimpin -pemimpin Muda / <i>Koa Kunrenjo</i> 1 F30 Melatih / menanam semangat memperjuangkan cita-cita politik Jepun 1 [Mana-mana 4F ×1 m]	[4 m]

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
5(b) (ii)	Sosial	
T4	F1 Pendidikan	1
Bab 3	F2 Jepun menutup sekolah Inggeris / sekolah Cina	1
Hal. 72-73	F3 Bangunan sekolah digunakan untuk keperluan pentadbiran tentera Jepun	1
(10.2.2)	F4 Sistem persekolahan Jepun diperkenalkan	1
	F5 Membentuk semangat persaudaraan sejagat (Hakko Ichiu) /	1
	F6 mencapai teknologi industri	1
	F7 meningkatkan disiplin	1
	F8 menerapkan nilai Jepun	1
	F9 Memupuk semangat nasionalisme Asia	1
	F10 menghapuskan pengaruh Barat	1
	F11 menanamkan kesetiaan kepada Jepun melalui pendidikan	1
	F12 Menekankan semangat Jepun (Nippon Seishin) / menghormati kebudayaan/ Maharaja Jepun (Tenno Heika)	1
	F13 Pengajaran bahasa Jepun (Nippon Go) / <i>lingua franca</i> dalam Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya	1
	F14 Perhimpunan pagi di sekolah mengadap ke arah negara Jepun / menyanyikan lagu kebangsaan Jepun (Kimigayo)	1
	F15 Sikap Jepun terhadap agama	1
	F16 Menghormati agama Islam / adat Melayu / tidak campur tangan dalam adat resam tempatan	1
	F17 Kelas pengajian al-Quran / sekolah agama diteruskan semula	1
	F18 Majlis Agama Negeri dibentuk / persidangan agama Islam diadakan di Singapura / Kuala Kangsar	1
	F19 Memanipulasi pegawai agama untuk tujuan propaganda Jepun	1
	F20 Pegawai agama menyampaikan hal yang diputuskan oleh tentera Jepun dalam kelas agama di masjid / surau	1
	F21 Masjid digunakan untuk menyampaikan titah sultan	1
	F22 Menyokong dasar Jepun	1
	F23 Menambah pengeluaran makanan / tidak menyebarkan khabar angin	1
	F24 Catuan dan penghasilan makanan	1
	F25 Memperkenalkan Ordinan Kawalan Barangan dan Bahan Penting	1
	F26 Mengawal bekalan barangan akibat kekurangan bekalan makanan	1
	F27 Catuan makanan dikuatkuasakan	1
	F28 Mengawal penjualan barangan keperluan asas	1
	F29 Seperti beras / garam / gula	1
	F30 Menggalakkan penduduk tempatan menanam bahan makanan sendiri	1
	F31 Kempen “Tambah Lebih Banyak Makanan”	1
	F32 Keperitan hidup menjadikan penduduk lebih kreatif	1
	F33 Berdikari / menghasilkan ciptaan baharu berasaskan bahan tempatan untuk kelangsungan hidup	1
	F34 Menghasilkan tempe daripada biji getah	1
	F35 Layanan terhadap penduduk	1

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
	F36 Memberi layanan baik kepada orang Melayu / peribumi lain yang bekerjasama dengan Jepun F37 Mendapatkan sokongan masyarakat peribumi F38 Membantu orang India menubuhkan Tentera Kebangsaan India di Tanah Melayu / Borneo Utara F39 Di bawah kepimpinan Subhas Chandra Bose F40 Orang India digalakkan menyertai untuk kemerdekaan negara India F41 Mendapatkan kerjasama orang India dalam rancangan Tentera Jepun menguasai negara India F42 Orang Cina dilayan kejam / mengalami kesengsaraan lebih teruk F43 Kesan daripada Perang China-Jepun F44 Dipaksa membayar wang sebagai hukuman penentangan terhadap Jepun semasa perang China-Jepun F45 Masyarakat berbilang kaum mengalami kesengsaraan / pengalaman pahit F46 Pembinaan Landasan Kereta Api Maut F47 Orang Melayu / Cina / India dipaksa menjadi buruh F49 Ramai terkorban akibat kerja berat / kekurangan makanan / ubat ubatan / pelbagai jenis penyakit / suasana buruk ditempat kerja	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
	[Mana-mana 4F × 1 m]	[4 m]

	Contoh - <i>Rakyat bangkit menentang kezaliman Jepun dengan menyertai pasukan keselamatan</i> - <i>Contohnya menganggotai Rejimen Askar Melayu</i> - <i>Dengan ini dapat meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat</i> - <i>Rakyat juga berjuang mempertahankan tanah air</i> - <i>Seperti menyebarkan risalah dan propaganda</i> - <i>Selain itu, mereka juga menyamar sebagai wartawan</i> - <i>Contohnya Gurchan Singh</i> - <i>Mewujudkan kerjasama antara rakyat menentang Jepun di Tanah Melayu</i> PANDUAN PEMERIKSAAN: 1. Jawapan mestilah berdasarkan rangkuman tajuk (cara penentangan terhadap Jepun) 2. Jika jawapan bersifat umum dan tiada kaitan : 0 m 3. Penandaan berasaskan elemen KBAT (fakta+huraian+contoh+infrens) – holistik dan analitikal	
--	--	--

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
6(a) T4 Bab 4 Hal. 97 (10.3.2)	Jelaskan ciri-ciri perlembagaan Malayan Union.	
	F1 Kesatuan	1
	F2 Menyatukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu / Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu / Negeri-negeri Selat kecuali Singapura	1
	F3 Menjadi satu unit pentadbiran	1
	F4 Ketua pentadbir	1
	F5 Malayan Union diketuai oleh Gabenor British yang dilantik oleh Raja England	1
	F6 Pembentukan Majlis Eksekutif / Majlis Perundangan Malayan Union	1
	F7 Di bawah kawalan Gabenor British	1
	F8 Raja-raja Melayu / Sultan menjadi ahli Majlis Raja-Raja	1
	F9 Membincangkan soal agama Islam / adat istiadat Melayu	1
	F10 Kewarganegaraan	1
	F11 Prinsip <i>jus soli</i> menjadi asas kewarganegaraan	1
	F12 Seluruh rakyat dilahirkan di Tanah Melayu / Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan Union	1
	F13 Berumur 18 tahun dan ke atas / bermastautin selama 10 tahun hingga 15 tahun	1
	F14 Mereka yang berumur kurang dari 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara	1
	[Mana-mana 4F x 1 m]	[4 m]
6 (b) T4 Bab 4 Hal. 102-106 (10.3.3)	Bagaimanakah rakyat Tanah Melayu menentang Malayan Union?	
	F1 Bantahan akhbar Melayu	1
	F2 Utusan Melayu (Singapura) / Majlis (Kuala Lumpur) / Warta Negara (Pulau Pinang)	1
	F3 Menyuarakan bantahan dengan keras / mengecam / mengutuk Malayan Union kerana merugikan orang Melayu	1
	F4 Menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar-besaran menolak gagasan Malayan Union	1
	F5 Melaporkan perkembangan berita penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.	1
	F6 Bantahan cendekiawan	1
	F7 Tokoh pentadbir Melayu	1
	F8 Dato' Onn Jaafar / Dato' Nik Ahmed Kamil / Za'ba / Tengku Mohamed / Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz (Panglima Bukit Gantang) / Wan Md Yusuf (Panglima Kinta Perak / Dato' Hamzah Abdullah)	1
	F9 Menggerakkan orang Melayu menentang Malayan Union dengan pelbagai strategi	1

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
	F10 Pemimpin Melayu Johor / Dato' Abdul Rahman Mohamad Yassin	1
	F11 Membantah usaha British menjajah Tanah Melayu	1
	F12 Bantahan Wanita	1
	F13 Zaharah Abdullah / Halimahtun Abdul Majid / Saleha Mohd Ali / Zaharah Tamin / Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid / Hasnah Ishak	1
	F14 Benteng hadapan menentang Malayan Union	1
	F15 Cikgu Zahrah Abdullah / ahli Pertubuhan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor	1
	F16 Berucap membantah pelaksanaan Malayan Union	1
	F17 Bantahan persatuan Melayu	1
	F18 Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS) / Persatuan Melayu Kedah / Perikatan Melayu Perak / Persatuan Melayu Selangor / Persatuan Melayu Johor	1
	F19 Menghimpunkan orang Melayu dari seluruh negara / setiap lapisan masyarakat	1
	F20 Pertubuhan Melayu ditubuhkan / diaktifkan semula sebagai tindak balas terhadap Malayan Union	1
	F21 Penggerak menganjurkan rapat umum / membantah tindakan MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu	1
	F22 Bantahan di negeri Kelantan / Kedah / Johor	1
	F23 Pemimpin persatuan Melayu / Sultan bekerjasama mengadakan bantahan terhadap kedatangan Mac Michael	1
	F24 10 ribu orang berhimpun di Kota Bharu semasa MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu	1
	F25 Ribuan orang Melayu Kedah telah berarak di Alor Setar	1
	F26 Dianjurkan oleh Kesatuan Melayu Kedah / SABERKAS / Kesatuan Ulama Kedah / Persatuan Melayu Kedah	1
	F27 Tuan Haji Hussin Che Dol / Yang Dipertua Kesatuan Melayu Kedah / Senu Abdul Rahman / Setiausaha SABERKAS	1
	F28 Mengkritik kandungan Kertas Putih Malayan Union dianggap mencabul kedaulatan bangsa Melayu	1
	F29 Lembaga Kesatuan Melayu Johor melancarkan gerakan penentangan	1
	F30 Perhimpunan disertai Persatuan Melayu Johor	1
	F31 Ungku Omar Abdullah, Naib Presiden Lembaga Kesatuan Melayu Johor / Dr. Hamzah memberi ucapan	1
	F32 Pergerakan Melayu Semenanjung Johor di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar berhimpun di Batu Pahat, Johor	1
	F33 Dato' Onn Jaafar berucap menggesa orang Melayu bangkit bersatu menentang British	1
	F34 Kongres Melayu	1
	F35 Dianjurkan oleh pemimpin persatuan Melayu / Raja-Raja Melayu negeri masing-masing	1

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
	F36 Za'ba / Yang Dipertua Persatuan Melayu Selangor menghubungi Dato' Onn Jaafar di Johor / Dato' Panglima Bukit Gantang di Perak / Tunku Abdul Rahman di Kedah	1
	F37 Menzahirkan penubuhan sebuah badan induk pemangkin menentang Malayan Union	1
	F38 Pemimpin / cendekiawan Melayu peringkat negeri bersetuju menganjurkan kongres Melayu	1
	F39 Kongres Melayu diadakan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman / Kampung Baru, Kuala Lumpur	1
	F40 Berlangsung dari 1 Mac 1946 - 4 Mac 1946	1
	F41 41 buah pertubuhan Melayu menghantar wakil menghadiri kongres	1
	F42 Diwakili pelbagai lapisan masyarakat iaitu tokoh politik / sosial / peniagaan / ekonomi	1
	F43 Bersetuju menubuhkan UMNO untuk menentang Malayan Union	1
	F44 Dato Onn menyerahkan resolusi Kongres Melayu	1
	F45 Memohon Raja-raja Melayu memboikot upacara pelantikan Gabenor Malayan Union	1
	F46 Ribuan orang Melayu berhimpun di Hotel Station pada 31 Mac 1946	1
	F47 Melaungkan "Daulat Tuanku" / "Hidup Melayu"	1
	F48 Kongres turut diadakan di Johor Bahru pada 11 Mei 1946	1
	F49 Melaksanakan beberapa perkara penting untuk memajukan orang Melayu	1
	F50 Menjadi penggerak perpaduan orang Melayu	1
	F51 Hari lahirnya Malayan Union dianggap sebagai hari kematian	1
	F52 Peristiwa itu meruntun hati ribuan orang Melayu	1
	F53 Berhimpun memakai lilitan kain putih di songkok tanda berkabung	1
	F54 Malayan Union merupakan semboyan yang memanggil orang Melayu dari seluruh negeri menyertai kongres	1
	F55 Membakar semangat orang Melayu	1
	F56 UMNO menganjurkan bantahan secara besar-besaran	1
	F57 Diadakan semasa Ahli Parlimen British / L.D Gammans / David Rees Williams membuat tinjauan	1
	F58 Bantahan orang Melayu Kedah / Perak / Negeri Sembilan / Pulau Pinang / Kuala Lumpur / Selangor	1
	F59 Di hadapan Gammans / Rees William	1
	F60 Membawa sepanduk "Kami Berkehendak Naungan, Bukan Penaklukan" / "Jangan Kecewakan Kami" / laungan "Hidup Melayu" bergema sepanjang perhimpunan / "Kekalkan Takhta Kerajaan Raja-raja Melayu" / "Mac Michael ialah imperialis" / "Humban Perjanjian Mac Michael"	1
	[Mana-mana 8F × 1 m]	[8 m]

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
6(c) KBAT (10.3.8)	Jelaskan maklumat dalam petikan tersebut dan iktibar yang dapat anda teladani. Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Tersurat F1 Penamatan Malayan Union adalah hasil permuafakatan dan sokongan padu seluruh rakyat kepada pemimpin dan Raja-raja Melayu 1 F2 Peristiwa bersejarah ini perlu difahami dan dihayati oleh semua rakyat di negara ini 1 F3 Malayan Union meninggalkan impak yang amat hebat 1 F4 Merupakan satu pengajaran yang amat berharga kepada kita semua sebagai generasi kini 1 F5 Satu perkara menarik yang perlu diketahui umum, kegagalan pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu tidak langsung bergantung kepada kekuatan bala tentera atau jumlah senjata yang digunakan. 1 F6 Tidak juga melalui sebarang pertempuran atau keganasan. 1 F7 Sebaliknya penentangan yang diajukan adalah melalui pergabungan kuat suara rakyat serta pemimpin yang dipayungi Raja-raja Melayu. 1 F8 Hakikat yang perlu kita fahami ialah institusi raja yang diwarisi secara tradisi sejak dari dahulu ini sesungguhnya amat penting buat kita semua 1 F9 Wajar untuk ia dipertahankan bersama 1 F10 Jika hilang tradisi ini, maka hilanglah tonggak warisan negara 1 F11 Dan hilangnya juga tidak akan berganti lagi 1 Iktibar F Kita mestilah bekerjasama menentang penjajah 1 H Hal ini supaya kedaulatan negara dapat dipertahankan 1 C Contohnya, Raja-raja Melayu menganjurkan demonstrasi / rapat umum berganding bahu / bersatu menentang Malayan Union menggunakan pelbagai cara 1 I Justeru, hak dan warisan negara kita dapat dipelihara 1	7 – 8

	F Kita mestilah bersatu padu dan bekerjasama dalam menghadapi sebarang ancaman terhadap negara	1
	H Hal ini kerana perpaduan merupakan kekuatan utama yang dapat mengalahkan sebarang bentuk ancaman sama ada dari dalam mahupun luar negara	1
	C Contohnya, semasa menentang Malayan Union, Raja-raja Melayu, pemimpin politik seperti Dato' Onn Jaafar, dan rakyat jelata berganding bahu menganjurkan demonstrasi	1
	I Justeru, dengan mengamalkan semangat perpaduan dan kerjasama seperti ini, hak dan kedaulatan negara kita dapat dipelihara daripada sebarang ancaman yang boleh memusnahkan warisan dan identiti bangsa.	1
	F Kita mestilah menggunakan pendekatan diplomasi dan rundingan dalam menyelesaikan konflik	1
	H Hal ini kerana pendekatan diplomasi dapat menyelesaikan masalah tanpa menyebabkan pertumpahan darah, kehilangan nyawa, atau kemusnahan harta benda.	1
	C Contohnya, dalam menentang Malayan Union, pemimpin Melayu tidak menggunakan keganasan atau senjata, sebaliknya mereka menggunakan cara-cara seperti menghantar memorandum bantahan kepada kerajaan British, mengadakan persidangan dan menganjurkan kongres	1
	I Justeru, dengan mengamalkan pendekatan diplomasi ini, kita dapat menyelesaikan sebarang pertikaian dengan cara yang baik dan mengekalkan hubungan baik antara semua pihak sambil mencapai objektif yang diinginkan	1
	Contoh jawapan : - Kegagalan Malayan Union adalah hasil permuafakatan dan sokongan padu rakyat dan Raja Melayu - Peristiwa ini sangat penting untuk dihayati oleh semua rakyat - Hal ini kerana Malaya Union memberi impak yang amat hebat pada ketika itu - Sebagai generasi pewaris ianya merupakan satu pengajaran yang berharga - Iktibarnya kita mestilah bekerjasama untuk menentang penjajah - Hal ini bagi memastikan kedaulatan negara dapat dipertahankan - Contohnya semua rakyat bersatu menganjurkan demonstrasi/rapat umum berganding bahu bersatu menentang Malayan Union - Oleh itu hak dan warisan negara dapat kita pelihara	

	Panduan Pemeriksaan: 1. Soalan mengandungi dua tugas 2. Calon wajib menjawab kedua-dua tugas 3. Jika menjawab satu tugas sahaja : mak 4 <i>m</i> 4. Calon salin maklumat sahaja tanpa ubah: mak 2 <i>m</i> 5. Calon salin dan menambah kepala ayat / penanda wacana : maksimum 4 <i>markah</i> 6. Calon menjawab maklumat dan iktibar : mak 8 m	
--	---	--

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
7 (a)	Jelaskan konsep kedaulatan.	
Bab 1	F1 Kekuasaan tertinggi dalam negara	1
T5	F2 Asas negara merdeka	1
Hal. 4-5	F3 Kewibawaan sesebuah negara yang bebas	1
(12.1.1)	F4 Hak untuk melaksanakan pemerintahan / pentadbiran negara	1
	F5 Bahasa Yunani / <i>supernus</i> / <i>superanus</i> / bermaksud agung / tertinggi / negara yang bebas / merdeka	1
	F6 Bahasa Inggeris merujuk istilah <i>sovereignty</i> / negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan / pentadbiran	1
	F7 Daulah berasal daripada bahasa Arab / kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan	1
	F8 Bahasa Melayu merujuk istilah <i>daulat</i> / negara yang bebas dan merdeka / berkerajaan sendiri	1
	F9 Aristotle / kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan / kerajaan yang terikat oleh undang-undang	1
	F10 Ibn Khaldun / kekuatan / kekuasaan sesebuah negara / semangat kekitaan bangsa / kekuatan semangat beragama	1
	F11 Rela berkorban demi cita-cita yang sama	1
	F12 Jean Bodin / kuasa tertinggi sesebuah negara	1
	F13 Bersifat kekal / mempunyai kuasa tidak terbatas untuk membuat / mentafsir / melaksanakan undang-undang	1
	F14 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj / kebebasan dan keadilan	1
	F15 Memperjuangkan kebajikan / kesejahteraan rakyat	1
	F16 Tun Dr. Mohamed Salleh Abas / negara yang merdeka / memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa	1
	F17 Hak / kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk asing - campur tangan asing	1
	F18 Kedaulatan diterima / diiktiraf negara lain	1
	Tokoh dan maksud dengan tepat = 2 markah	
	[Mana-mana 4F ×1 m]	[4 m]

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
7 (b) T5 Bab 1 Hal. 8-9 (12.1.2)	Sejak merdeka sehingga kini, Malaysia berjaya mengekalkan ciri-ciri sebuah negara berdaulat. Terangkan ciri-ciri tersebut. F1 Mempunyai sistem pemerintahan / pentadbiran 1 F2 Menjaga kestabilan politik / keamanan / pertahanan / ekonomi / sistem pentadbiran yang lycin / teratur 1 F3 Sistem Raja Berperlembagaan / Demokrasi Berparlimen – raja meneraju pemerintahan 1 F4 Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong 1 F5 Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri 1 F6 Dibantu Jemaah Menteri 1 F7 Mempunyai Sempadan 1 F8 Garis pemisah antara negeri / negara 1 F9 Malaysia berkongsi sempadan darat / air / udara 1 F10 Negara Singapura / Thailand / Indonesia / Brunei / Filipina 1 F11 Diakui oleh masyarakat antarabangsa / PBB 1 F12 Memudahkan urusan pemerintahan / pentadbiran / pertahanan / pembangunan ekonomi 1 F13 Mempunyai sistem perundangan/ undang-undang 1 F14 Asas peraturan negara / rujukan pentadbiran 1 F15 Berpandukan Perlembagaan Persekutuan 1 F16 Melihara kesejahteraan / menjamin keadilan / keamanan 1 F17 Melindungi / mengawal rakyat 1 F18 Parlimen menggubal / menentukan sistem perundangan negara 1 F19 Mempunyai Rakyat 1 F20 Penduduk di sesebuah negara 1 F21 Terikat dengan undang-undang / peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah / tidak melakukan jenayah 1 F22 Rakyat negara kita terdiri daripada pelbagai kaum / agama / adat resam 1 F23 Disatukan melalui satu bahasa / kebudayaan / Rukun Negara / identiti nasional / lambang [Mana-mana 8F × 1 m]	[8 m]

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
7 (c) KBAT (12.1.5)	Berdasarkan infografik tersebut, mengapakah keselamatan negara perlu dipertahankan. Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan F1 Menjamin kedaulatan negara 1 F2 Keutuhan wilayah F3 Semua pihak bekerjasama dan berganding bahu dalam memastikan negara aman dan selamat 1 F4 Sebagai contoh penubuhan ESSCOM / ESSZONE bagi mengekang pencerobohan di kawasan Pantai Timur Sabah 1 F5 Mewujudkan tadbir urus yang baik / keberkesanan pentadbiran 1 F6 Memberi kebebasan kepada negara untuk menjalankan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar 1 F7 Menjamin kestabilan sosio-politik 1 F8 Kerjasama yang baik dalam kalangan pemimpin politik berjaya membawa keamanan kepada negara 1 F9 Membentuk kerajaan perpaduan yang dapat mengelakkan perbalahan politik 1 F10 Contoh gabungan parti politik 1 F11 Kesannya meningkatkan keyakinan rakyat / pelabur asing 1 F12 Intel / Apple / Google / syarikat semikonduktor 1 F13 Menjamin keselamatan rakyat 1 F14 Rakyat bebas menjalani kehidupan harian tanpa rasa takut 1 F15 Kes jenayah dapat dikurangkan 1 F16 Contohnya, rasuah / penyebaran berita palsu 1 F17 Keamanan negara dikecapi 1 (Terima mana-mana yang berkaitan) [Mana-mana 8F x 1 m] [8 m] <u>Panduan Pemeriksaan:</u> Hanya maklumat daripada infografik = maks 4 markah Huraian tanpa maklumat = maks 4 markah Maklumat daripada infografik bersama huraian = maks 8 markah	7 – 8

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
8 (a) T5 Bab 5 Hal. 93 (13.1.2) KBSM Bab 6 Hal. 139-140	Jelaskan faktor penubuhan Malaysia	
	F1 Keselamatan	1
	F2 Ancaman Komunis di Singapura telah menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu	1
	F3 Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj menganggap Singapura sebagai pusat kegiatan komunis	1
	F4 Penyatuan dengan Singapura dapat memberikan kuasa kepada kerajaan Persekutuan dalam bidang keselamatan / pertahanan	1
	F5 Ancaman komunis melalui gerakan Clandestine Communist Organization (CCO) di Sarawak	1
	F6 Penyertaan Sarawak dapat membendung ancaman komunis	1
	F7 Mewujudkan keamanan serantau	1
	F8 Keseimbangan komposisi penduduk	1
	F9 Kemasukan Singapura sahaja akan mewujudkan ketidakseimbangan komposisi penduduk antara orang Melayu dengan Cina	1
	F10 Membimbangkan Tunku Abdul Rahman / pemimpin UMNO	1
	F11 Penggabungan Sarawak / Sabah / Brunei akan menyeimbangkan komposisi antara kaum	1
	F12 Mempercepatkan kemerdekaan / ke arah berkerajaan sendiri	1
	F13 Merealisasikan rancangan dekolonisasi British	1
	F14 Memerdekakan wilayah Borneo / Sarawak / Sabah	1
	F15 Memastikan usaha ini mendapat sokongan penduduk	1
	F16 Pembangunan wilayah	1
	F17 Bersatu dalam mempercepatkan pembangunan pelbagai bidang	1
	F18 Meningkatkan taraf hidup peribumi dalam pelbagai aspek	1
	F19 Infrastruktur / sosial / ekonomi yang seimbang	1
	F20 Faktor politik	1
	F21 Pengaruh Barisan Sosialis yang memenangi pilihan raya Hong Lim di Singapura	1
	F22 Melemahkan Parti Tindakan Rakyat / PAP	1
	F23 Lee Kuan Yew mendesak penggabungan	1
	F24 Menggugat rancangan British memberi kemerdekaan	1
	F25 Pengalaman Tanah Melayu dalam menangani komunis	1
	F26 Kepentingan British di Singapura terjaga / terkawal	1
	F27 Kestabilan politik rantau Asia Tenggara	1
	F28 Faktor ekonomi	1
	F29 Mewujudkan pasaran lebih luas / galakan pelaburan / industri pertanian / perdagangan	1
	F30 Memanfaatkan keistimewaan / sumber kekayaan hasil bumi	1
	F31 Getah / bijih timah / minyak	1

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
8 (b) T5 Bab 5 Hal. 100-101 (13.1.4)	F32 Semangat setia kawan [Mana-mana 6F × 1 m]	1 [6 m]
	Bagaimanakah Suruhanjaya Cobbold menjayakan pembentukan Malaysia?	
	F1 Dibentuk secara rasmi pada bulan Januari 1962/ Tahun 1962	1
	F2 Mengandungi wakil yang dilantik oleh kerajaan British / Persekutuan Tanah Melayu	1
	F3 Dipengerusikan oleh Lord Cobbold	1
	F4 Ahli-ahli terdiri daripada Sir Anthony Abell / Sir David Watherston / Mohamad Ghazali Shafie / Wong Pow Nee	1
	F5 Melawat 35 pusat lawatan / 20 pusat lawatan Sarawak / 15 pusat lawatan Sabah	1
	F6 Jun 1962, menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu	1
	F7 Menyatakan dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia	1
	F8 Mengesyorkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baru	1
	F9 Mencadangkan kuasa autonomi / jaminan khas diberi kepada Sarawak / Sabah	1
	F10 Tidak boleh dipinda / dibatalkan oleh kerajaan Persekutuan tanpa persetujuan Kerajaan Negeri	1
	F11 Meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia	1
	F12 Membuat penilaian / mengemukakan cadangan kepada pihak British	1
	F13 Menerima memorandum yang dikemukakan oleh pelbagai pertubuhan	1
	[Mana-mana 6F × 1 m]	[6 m]

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
8 (c) KBAT (13.1.8)	Berikan ulasan anda. Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Tersurat F1 Kelahiran Persekutuan Malaysia telah terukir dalam sejarah dunia 1 F2 Dokumen pemasyhuran Malaysia yang ditandatangani oleh Tunku Abdul Rahman menjadi bukti dan simbol kepada pembentukan Malaysia 1 F3 Rakyat terdiri daripada pelbagai bangsa, kaum, suku, bahasa, budaya dan agama 1 F4 Kepelbagaian ini telah mencorak dan mewarnai Malaysia sebagai negara yang unik 1 F5 Rakyat mengamalkan pelbagai budaya dapat hidup secara aman 1 F6 Bersatu dalam suasana harmoni serta jauh daripada sengketa Tersirat F5 Saling hormat menghormati antara satu sama lain 1 F6 Masyarakat Iban / Bidayuh / Kadazan-Dusun 1 F7 Dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum 1 F8 Berkongsi sambutan perayaan 1 F9 Sambutan Hari Raya / Tahun Baru Cina / Hari Gawai 1 F10 Kepelbagaian telah mencorak / mewarnai Malaysia 1 F11 Bebas mengamalkan budaya / agama tanpa halangan 1 F12 Rakyat hidup secara aman / harmoni 1 F13 Politik negara stabil 1 Contoh: - Dokumen pemasyhuran Malaysia menjadi bukti dan simbol kepada pembentukan Malaysia - Ianya adalah gabungan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah - Permuafakatan pemimpin-pemimpin telah merealisasikan pembentukan Malaysia - Kini negara kita mempunyai kepelbagaian bangsa dan kaum - Contohnya Melayu, Cina, India dan etnik Sabah dan Sarawak - Masyarakat ini dapat hidup bersama saling menghormati antara satu sama lain	

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
	- <i>Dapat berkongsi pelbagai aktiviti seperti sambutan Hari Raya dan Tahun Baru Cina</i> - <i>Oleh itu keharmonian negara dapat dikekalkan</i> <u>Panduan Pemeriksaan:</u> 1. Soalan ini kata tugasnya ialah ulasan 2. Menyalin keseluruhan petikan tanpa perubahan – Mak 2 <i>m</i> 3. Menyalin keseluruhan petikan tetapi menambah penanda wacana – Mak 4 <i>m</i> 4. Ulasan calon berkaitan isu dalam petikan tetapi tidak mengambil ayat dalam pernyataan – Mak 4 <i>m</i> 5. Ulasan calon berkaitan isu dalam petikan (isi tersurat) dan huraian isu tersebut (isi tersirat) – Mak 8 <i>m</i> 6. Ulasan calon langsung tidak menyentuh isu dalam petikan – 0 <i>m</i> <u>*Isu dalam pernyataan bermaksud</u> i. Ayat calon diambil berdasarkan senarai isi yang diberi daripada petikan, <i>atau</i> ii. Isi-isi yang relevan / berkaitan dengan senarai isu yang diberi	

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
9(a) (i) T5 Bab 10 Hal. 243 (15.3.4)	Jelaskan tindakan Malaysia dalam mendepani isu berikut Alam sekitar F1 Malaysia berhadapan dengan isu jerebu 1 F2 Menjejaskan jarak penglihatan / kesihatan 1 F3 Berpunca dari pembakaran terbuka / tidak terkawal / pembakaran hutan 1 F4 Malaysia bekerjasama dengan negara ASEAN 1 F5 Menandatangani Perjanjian ASEAN berkaitan Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan 1 F6 Merupakan perjanjian serantau pertama di dunia 1 F7 Negara yang terlibat disaran mengambil langkah undang-undang / pentadbiran 1 F8 Memastikan jerebu tidak berlaku 1 F9 Menekankan prinsip “ASEAN Tanpa Jerebu 2020” 1 F10 Malaysia dan Singapura bersetuju bekerjasama 1 F11 Melakukan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pencegahan kebakaran tanah gambut 1 [mana-mana 4F × 1 m]	[4 m]
9(a) (ii) T5 Bab 10 Hal. 244 (15.3.4)	Zon bebas nuklear F1 Persaingan senjata nuklear merupakan isu pertahanan/ keselamatan yang boleh mengancam Asia Tenggara 1 F2 Malaysia menandatangani Southeast Asian Nuclear-Weapon-Free Zon (SEANWFZ) / Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara pada 1995 1 F3 Menekankan negara terlibat tidak mengembangkan / mengeluarkan / memperoleh / memiliki / mengawal senjata nuklear 1 F4 Kedudukan Asia Tenggara yang strategik secara tidak langsung terlibat dalam kancah persaingan kuasa besar 1 F5 China / Amerika Syarikat 1 F6 Malaysia tidak berdiam diri / membiarkan Selat Melaka / Laut China Selatan diguna kapal perang asing membawa senjata nuklear 1 F7 Kedua-dua laluan tersebut perlu bebas daripada senjata nuklear 1 F8 Tidak membenarkan kapal membawa senjata nuklear berlabuh / mengadakan latihan di perairan negara 1 F9 Boleh membawa konflik yang buruk kepada Asia Tenggara 1 F10 Bagi memastikan rantau Asia Tenggara berada dalam keadaan aman / selamat 1 [mana-mana 4F × 1 m]	[4 m]

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
9(a) (iii) T5 Bab 10 Hal. 244-245 (15.3.4)	Pendatang asing tanpa izin (PATI) F1 Keamanan / kemakmuran / pertumbuhan ekonomi / kestabilan politik / peluang pekerjaan yang pesat menjadi faktor penarik F2 Membawa implikasi sosial / ekonomi/ jenayah / politik / hubungan diplomatik F3 Mengancam ketenteraman / keselamatan negara F4 Membendung kemasukan melalui pengukuhan mekanisme pengurusan warga asing F5 Malaysia terlibat dalam pelbagai program di bawah PBB F6 United Nations High Commissioner for Refugees – UNHCR (Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian) F7 Malaysia dilantik sebagai ahli UNHCR dari 1993-1995 F8 Menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) F9 Menubuhkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) / Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (APKS) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) F10 Mengawal pintu sempadan F11 menguatkuasa undang-undang F12 Kerjasama antara negara jiran F13 Rundingan tentang kawalan sempadan F14 Membuat rondaan secara berkala F15 dari Vietnam/Indonesia/Bangladesh/Rohingya (Terima mana-mana jawapan berkaitan) [mana-mana 4F × 1 m]	[4 m]
9 (b) KBAT (K15.3.8)	Jelaskan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut. Huraikan kepentingan semangat kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat dunia. Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Tersurat F1 Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa pada 5 Disember F2 Malaysia menyertai misi bantuan sukarelawan Malaysia ke Turkiye-Syria F3 Nilai kemanusiaan sejagat yang harus menjadi contoh kepada masyarakat dunia	[4 m]

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
	F4 Bantuan kepada kanak-kanak F5 Misi bantuan melibatkan pelbagai agensi / anggota keselamatan negara / bomba / polis / SMART F6 Mendapat sokongan daripada pemimpin negara Kepentingan semangat kesukarelawanan F7 Mewujudkan sifat cakna dalam kalangan penduduk dunia terhadap isu semasa F8 Seperti isu Palestin-Israel F9 Membantu masyarakat / negara yang dalam kesusahan F10 Melalui bantuan kemanusiaan F11 Makanan / perubatan / kewangan / pendidikan / infrastruktur F12 Memberi mesej kepada masyarakat dunia bahawa keamanan adalah sangat berharga demi tatapan generasi akan datang F13 Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) membantu mangsa gempa bumi di Turkiye Contoh - Negara Malaysia menyambut Hari Sukarelawan Antarabangsa pada 5 Disember - Selain itu, Malaysia terlibat dalam misi bantuan sukarelawan ke Turkiye dan Syria - Di samping itu, misi bantuan ini menunjukkan nilai kemanusiaan sejagat yang perlu dijadikan contoh kepada masyarakat dunia. - Akhir sekali semua misi bantuan negara telah melibatkan pelbagai agensi dan anggota keselamatan negara - Kepentingan nya ialah dapat mewujudkan sifat cakna dan ambil berat dalam kalangan masyarakat dunia terhadap isu semasa - Contohnya isu perang yang berlaku antara Israel dan Palestin - Hal ini akan melahirkan masyarakat dunia yang sanggup memberi bantuan <i>rentas sempadan negara</i> - Seperti misi kemanusiaan dan bantuan perubatan dan makanan - Oleh itu, dapat memberi mesej kepada masyarakat dunia bahawa keamanan adalah sangat berharga demi tatapan generasi akan datang Panduan Pemeriksaan: 1. Soalan ini mengandungi dua tugas 2. Calon wajib menjawab dua tugas 3. Jika menjawab satu tugas sahaja : mak 4 m 4. Calon jawab mesej dalam poster sahaja – Mak 4 m 5. Calon jawab mesej dalam poster (isi tersurat) dan kepentingan – Mak 8 m	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT